

**Penganiayaan Kanak-Kanak: Pengalaman Melapor
dan Tahap Latihan yang Diterima dalam
kalangan Guru-Guru Sekolah**

*(Child Abuse: Experience in Reporting and Level of Training
Received among School Teachers)*

CHAN CHEONG CHONG

Pusat Pengajian Pembangunan Sosial
Universiti Utara Malaysia
E-mel: ccchan@uum.edu.my

ABDULL SUKOR SHAARI

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden,
Universiti Utara Malaysia

Abstrak

Penganiayaan kanak-kanak adalah masalah sosial yang senantiasa menjadi tanggungjawab utama dalam agensi-agensi kebajikan sosial. Namun, jarang-jarang isu ini diberi perhatian serius dalam sektor pendidikan. Kebanyakan masa dalam sehari bagi seorang kanak-kanak banyak dihabiskan dalam sesi persekolahan. Guru sekolah adalah antara individu yang terdekat dengan kanak-kanak disamping ibu bapa mereka. Maka, guru sekolah boleh memainkan peranan yang besar dari segi mengenalpasti dan menyelamatkan murid-muridnya yang berkemungkinan menjadi mangsa dalam penganiayaan. Kajian ini meninjau pengalaman melapor dan tahap latihan yang pernah diterima oleh guru sekolah berhubung isu penganiayaan kanak-kanak. Seramai 255 guru sekolah telah menjawab soal selidik “Educators and Child Abuse Questionnaire” (Kenny, 2000). Hasil kajian menunjukkan hanya 9% guru pernah membuat laporan rasmi kepada pihak berkuasa. Ramai guru menganggap latihan yang diterima mengenai penganiayaan kanak-kanak sama ada sebelum atau selepas perkhidmatan perguruan adalah tidak memadai. Kekeliruan dan ketidakpastian merupakan halangan utama kepada guru sekolah apabila berdepan dengan mangsa-mangsa penganiayaan yang disyaki. Oleh itu, adalah dicadangkan agar kursus perlindungan kanak-kanak perlu diwajibkan kepada kesemua pelatih perguruan di Maktab Perguruan. Hal ini demikian agar guru-guru upaya mengendalikan sebarang kes penganiayaan dalam kalangan anak muridnya secara berkesan.

Kata kunci: penganiayaan kanak-kanak, guru sekolah, kewajipan melapor, latihan.

Abstract

Child maltreatment is a social problem which has always become the core responsibility of many social welfare agencies. However, the issue has not been given serious attention in the education sector. Many children spend most of their daytime in school and teachers are among the closest individuals to them apart from their birth parents. Hence, teachers could play vital role in identifying and helping their pupils who may have been maltreated. This study explores teachers' experiences in reporting child maltreatment cases and their levels of training on the issue. Two hundred and fifty-five teachers participated in this study by answering the Educators and Child Abuse Questionnaire (Kenny, 2000). Overall, the study shows that only 9% of teachers had made official reports to the authority. Indeed, majority of teachers had received very limited training on child maltreatment prior to and after their formal teaching services. They felt confused and uncertain when dealing with suspected victims of maltreatment. Thus, it is suggested that child protection module should be made compulsory to all the teacher trainees at the teacher training colleges. This would prepare the teachers to effectively handle possible child maltreatment instances among their pupils.

Keywords: *child maltreatment, school teachers, mandatory reporting, training*

Pengenalan

Penganiayaan kanak-kanak adalah satu isu semasa yang sering diperbahaskan dalam bidang kebajikan kanak-kanak. Di England misalnya, penganiayaan kanak-kanak dianggap sebagai satu penyakit sosial yang utama sejak abad ke-19 (Hendrick, 1994). Di Malaysia, penganiayaan kanak-kanak dikenalpasti sebagai masalah sosial negara pada tahun 1970-an dan statistik pertama tentang penganiayaan kanak-kanak hanya wujud pada tahun 1974 (Abdul Aziz Rahimah, 1999, Nov).

Guru adalah salah satu pihak yang paling rapat dengan kanak-kanak. Keperihatinan guru kepada murid-murid dalam kelasnya adalah amat penting dalam usaha mencegah berlakunya kejadian penganiayaan kanak-kanak. Guru dibebani dengan pelbagai tugas hakiki seperti mengajar, menyemak kerja sekolah, mengendali peperiksaan dan seumpamanya. Namun, secara relatif tidak ada profesion lain seperti guru yang mempunyai begitu banyak peluang untuk berinteraksi secara langsung dengan kanak-kanak. Guru mempunyai peluang yang amat besar untuk mengesan dan mengenalpasti sebarang perubahan fizikal dan tingkahlaku yang wujud seiring dengan berlakunya penganiayaan (Egu & Weiss, 2003). Maka, guru mempunyai peluang yang

cukup signifikan untuk membantu mangsa sama ada memberhentikan penganiayaan atau membiarkan penganiayaan tersebut terus berlaku (Briggs & Potter, 2004).

Kewajipan Melapor dan Tahap Latihan Yang Diterima

Banyak kajian telah dilakukan tentang isu penganiayaan kanak-kanak. Antaranya ialah kajian tentang institusi sekolah sebagai tempat yang sesuai untuk tujuan pencegahan penganiayaan kanak-kanak (Horton & Cruise, 2001). Di Amerika Syarikat, kesemua negeri mempunyai perundangan mewajibkan guru melaporkan kes yang disyaki (Egu & Weiss, 2003; Kesner & Robinson, 2002, Kenny, 2001). Malah negara yang pertama mempunyai perundangan yang mewajibkan amalan melaporkan kes penganiayaan kanak-kanak adalah Amerika Syarikat iaitu sejak awal tahun 1960-an (Ainsworth, 2002). Di England, walaupun tidak ada kuasa perundangan yang mewajibkan guru melaporkan kes, tetapi kandungan The Children Act 1989 telah menimbulkan kesedaran guru akan tanggungjawab mereka dalam menjaga kebajikan kanak-kanak (Baginsky, 2000, April). Namun di Malaysia, Akta Kanak-Kanak 2001 hanya mewajibkan tiga pihak iaitu pengamal perubatan, anggota keluarga dan pengasuh kanak-kanak dalam tanggungjawab melapor. Tiada penekanan khusus kepada guru sekolah dalam tanggungjawab melapor.

Kajian Hinson dan Fossey (2000) mendapati 59% guru yakin dapat mengenalpasti tanda-tanda penderaan fizikal. 79 peratus daripada mereka mampu menyenaraikan sekurang-kurangnya tiga tanda penderaan fizikal. Namun bila ditanya mengenai penderaan seksual, hanya sekadar 16% yang yakin mampu mengenal pasti tanda-tanda perbuatan berkenaan. Sungguhpun begitu, 61% masih mampu menyenaraikan sekurang-kurangnya tiga tanda penderaan seksual.

Hinson dan Fossey (2000) juga mendapati sebilangan guru tidak mampu membuat laporan kes penganiayaan kanak-kanak kerana tidak mampu mengenalpasti simptom-simptom berkenaan. Kebanyakan guru mempunyai maklumat yang silap tentang prosedur melapor dan sesetengah guru percaya membuat laporan hanya akan mengundang pendera untuk bertindak lebih agresif terhadap kanak-kanak berkenaan. Malah, guru merasakan pendakwaan ke atas kesalahan tidak melaporkan kes penganiayaan kanak-kanak adalah cukup minimum (Hinson dan Fossey, 2000).

Masalah-masalah yang dikenalpasti oleh Hinson dan Fossey (2000) turut diperkukuhkan dengan dapatan kajian McCallum dan Baginsky (2001, April). Kajian mereka ke atas kumpulan pelajar pelatih perguruan tahun akhir di Australia mendapati, 86% menyenaraikan guru sebagai pelapor kes yang

wajib dari segi undang-undang. Namun, hanya sekadar 47% dan 3% mereka menyenaraikan pekerja sosial dan ahli psikologi sebagai pelapor kes yang mempunyai mandat. Sejumlah mereka iaitu 41.5% kurang yakin akan prosedur membuat laporan kes penganiayaan. Empat puluh sembilan peratus tidak yakin untuk melatih orang lain mengenai penganiayaan kanak-kanak. Kajian Briggs dan Potter (2004) di Singapura juga mendapati 66% (Guru Pendidikan Khas) dan 86% (Guru Tadika) tidak tahu kaedah dan bila untuk membuat laporan bila timbul penganiayaan kanak-kanak.

Latihan yang tidak mencukupi adalah berhubung kait dengan kemelut-kemelut yang dibincangkan di atas. Hal ini amat jelas di mana Hinson dan Fossey (2000) mendapati 48% guru dalam kajian mereka tidak menerima latihan semasa perkhidmatan untuk mengenalpasti simptom-simptom penganiayaan. Dapatan kajian mereka juga disokong dengan kajian Kenny (2001) yang mendapati 40% guru menganggap latihan sebelum perkhidmatan adalah di tahap minimum. Tiga puluh empat peratus pula berpendapat latihan sebelum perkhidmatan itu adalah tidak memadai untuk mereka berdepan dengan isu penganiayaan kanak-kanak. Empat puluh lima peratus merasakan latihan yang diterima semasa ini juga adalah di tahap minimum. Antara yang dikatakan adalah topik penganiayaan kanak-kanak tidak disampaikan, kemahiran yang berkaitan tidak pernah diamalkan dalam kelas dan masing-masing kurang pasti akan tanggungjawab masing-masing mengikut perundangan

Sama seperti Kenny (2001), kajian Bishop, Lunn dan Johnson (2002) terhadap 75 pelatih yang sedang mengikuti latihan perguruan peringkat ijazah, mendapati mereka amat memerlukan pengetahuan dan latihan mengenai kaedah bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan untuk memberi sokongan kepada kanak-kanak dan keluarganya. Para responden turut merasakan masing-masing kurang berpeluang untuk berhubung dengan ibu bapa yang mempunyai masalah mengurus jagaan dan gelagat anak-anak mereka.

Guru yang tidak dilatih tentang simptom-simptom penganiayaan akan mendatangkan lebih banyak sengsara emosi kepada mangsa kanak-kanak berkenaan (Briggs & Potter, 2004). Maka latihan adalah amat penting untuk guru. Berhubung dengan latihan, masih menjadi satu tanda soal jenis kandungan yang perlu diliputi dan siapa yang patut atau layak mengajarnya kepada golongan guru (Baginsky, 2003).

Kajian Baginsky (2003) menunjukkan guru adalah lebih cenderung terlibat dalam kes perlindungan kanak-kanak pada awal perkhidmatan profesionnya. Maka, latihan berkenaan perlu diawalkan. Latihan berkenaan perlindungan kanak-kanak penting untuk membekalkan amalan pengendalian kes penganiayaan yang berkesan dan mengurangkan tahap tekanan (Baginsky, 2003).

Laporan McCallum (2000, April) tentang isu melapor kes penganiayaan kanak-kanak di selatan Australia menunjukkan guru sekolah

adalah wajib menghadiri latihan tentang melapor yang dikendalikan oleh pihak agensi perlindungan kanak-kanak. Kandungan kursus latihan itu merangkumi penjelasan mitos penganiayaan kanak-kanak, pengesanan penderaan dan pengabaian, kaedah respon kepada mangsa, dan prosedur untuk melapor. Sungguhpun begitu, mereka masih menghadapi masalah seperti struktur melapor dalam sekolah yang tidak jelas, kekurangan pengalaman, bebanan emosi dan bebanan tugas.

Kajian-kajian lepas di Barat menunjukkan, guru sekolah berada dalam kedudukan yang pasif dalam soal membuat laporan dan latihan yang diterima oleh mereka juga tidak memadai untuk menghadapi kes penganiayaan kanak-kanak. Oleh itu, amat wajar perkara ini diselami dalam konteks Malaysia memandangkan kajian tempatan berkenaan isu ini juga masih terhad.

Metodologi

Kaedah tinjauan telah dilakukan dalam kajian ini menerusi penggunaan soal-selidik yang diubahsuai daripada *Educators and Child Abuse Questionnaire* yang dibentuk oleh Kenny (2000). Soal selidik ini mengandungi lima bahagian. Namun keputusan kajian yang dipaparkan dalam artikel ini hanya melibatkan data yang dikumpul dalam tiga bahagian berikut sahaja. Bahagian A menyentuh tentang maklumat responden. Bahagian B menanya soalan yang berkaitan pengalaman dan sebab guru bertindak melapor atau tidak melaporkan kes penganiayaan yang disyaki. Bahagian C pula meninjau pandangan guru mengenai latihan yang pernah diterima semasa menuntut di Maktab Perguruan serta latihan yang telah diterima semasa dalam perkhidmatan.

Persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini. Responden kajian terdiri daripada mereka yang sedang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan melalui Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) di Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia. Jumlah mereka ialah seramai 313 orang yang sedang mengikuti bidang pengkhususan seperti Pendidikan Moral, Bimbingan dan Kaunseling, Kemahiran Hidup Bersepadu, TESL, Teknologi Maklumat dan Multimedia. Mereka terdiri daripada 109 pelajar tahun pertama, 134 pelajar tahun dua dan 70 pelajar tahun tiga.

Pemilihan ini dibuat memandangkan mereka terdiri daripada guru-guru sekolah kerajaan yang berpengalaman serta datang dari seluruh pelosok Malaysia. Sungguhpun begitu, dapatan kajian ini hanya dapat diaplikasikan kepada golongan itu sahaja dan tidak boleh digenerasikan kepada guru-guru sekolah yang tidak terlibat dalam kajian ini.

Walaupun sasaran awal kajian ini adalah 313 guru, namun selepas pengumpulan data berlangsung sepanjang satu semester iaitu semester pertama sesi 2007/2008, hanya 255 guru yang sudi menyertai kajian ini. Maka kadar respon untuk kajian adalah setinggi 81.5%.

Dapatan Kajian

Kira-kira 60% daripada 255 guru yang menyertai kajian ini terdiri daripada guru perempuan. Majoriti guru (74%) mempunyai pengalaman mengajar melebihi lima tahun. Majoriti guru adalah berbangsa Melayu iaitu 79% dan 89% guru mengajar di sekolah rendah. Walaupun ada 26 guru yang berkhidmat di sekolah menengah, namun jawapan mereka juga amat penting memandangkan pelajar di sekolah menengah masih didefinisikan sebagai kanak-kanak mengikut Akta Kanak-Kanak 2001.

Pengalaman Melapor Kes Penganiayaan Kanak-Kanak

Pengalaman membuat laporan kes penganiayaan kanak-kanak dalam kalangan guru adalah satu maklumat yang amat menarik dalam kajian ini. Berikut adalah dapatan kajian tentang pengalaman guru dari perspektif melapor, bilangan kes dan dilema yang dihadapi.

Sembilan peratus guru pernah mengambil tindakan drastik dengan membuat laporan secara terus kepada pihak berkuasa. Peratusan ini mungkin kecil tetapi amat signifikan untuk mencerminkan kewujudan kes-kes penganiayaan kanak-kanak yang boleh dikesan di peringkat sekolah (Jadual 1).

Jadual 1

Pengalaman Membuat Laporan kepada Pihak Berkuasa

Membuat Laporan	Bilangan	Peratusan
Ya	23	9.0
Tidak	232	91.0
Jumlah	255	100.0

Jadual 2

Bilangan Kes Pernah Dilaporkan kepada JKM

Kes	Bilangan	Peratusan
Tiada	235	92.2
1 kes	14	5.5
2 kes	3	1.2
3 kes	2	.8
5 kes	1	.4
Jumlah	255	100.0

Jadual 2 menunjukkan, sebanyak 31 kes telah dilaporkan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) oleh 20 guru yang terlibat dalam kajian ini. Secara purata, di kalangan 20 guru yang melapor kepada JKMM, didapati perkadaran adalah seorang guru telah melaporkan 1.55 kes. Sungguhpun begitu, lebih 90% guru tidak pernah membuat sebarang laporan kepada JKMM. Daripada 255 guru, secara purata seorang guru hanya melapor sekadar 0.12 kes.

Jadual 3 menunjukkan 27 guru pernah menguruskan lebih daripada 55 kes penganiayaan kanak-kanak di peringkat sekolah. Lebih separuh daripada 27 guru tersebut pernah menguruskan satu kes sahaja. Secara purata, di kalangan 27 guru tersebut, seorang guru mengurus tidak kurang daripada dua kes. Sungguhpun begitu, hampir 90% guru tidak pernah terlibat mengurus sebarang kes penganiayaan yang dikesan di sekolah. Daripada 255 guru, secara purata seorang guru pernah mengurus tidak kurang daripada 0.22 kes.

Jadual 3

Bilangan Kes pernah Terlibat

Kes	Bilangan	Peratusan
Tiada	228	89.4
1 kes	14	5.5
2 kes	8	3.1
3 kes	2	.8
4 kes	1	.4
5 kes	1	.4
Lebih daripada 10 kes	1	.4
Jumlah	255	100.0

Jadual 4 menunjukkan hanya 31 guru pernah mengesyaki terjadinya kes penganiayaan dalam kalangan murid mereka tetapi tidak membuat sebarang laporan. Namun, hampir 90% guru tidak pernah mengalami situasi sedemikian.

Jadual 4

Mengesyaki Terjadi Kes Penganiayaan tetapi Tidak Melapor

Tidak Melapor Kes Yang Disyaki	Bilangan	Peratusan
Ya	31	12.5
Tidak	217	87.5
Jumlah	248	100.0

Dalam kalangan 31 guru yang mengalami situasi tersebut, pelbagai alasan telah dikemukakan (Jadual 5). Antara alasan yang paling popular adalah takut membuat laporan yang tidak tepat (26%), risau akan kesan negatif yang timbul (16%), kekeliruan akan gaya asuhan dalam konteks budaya (10%), tidak ada tanda jelas kecederaan pada kanak-kanak (10%), implikasi perundangan (7%) dan kenali ibu bapa murid yang terlibat (7%). Seramai 26% guru berkenaan memilih lebih daripada satu alasan yang disediakan.

Jadual 5

Sebab-Sebab Tidak Melapor

Sebab-Sebab	Bilangan	Peratusan
Takut membuat laporan yang tidak tepat	8	25.8
Menjangkakan kesan negatif akan menyusul	5	16.1
Takut salah tafsir gaya asuhan budaya yang berlainan	3	9.7
Tiada kecederaan fizikal, hanya lisan daripada kanak-kanak	3	9.7
Tidak mahu terperangkap dengan prosedur perundangan	2	6.5
Kenal ibu bapa dan rasa mereka sudah insaf (telah menerima rawatan dan menyesal)	2	6.5
Lebih daripada satu alasan di atas	8	25.8
Jumlah	31	100.0

Tahap Latihan Yang Diterima

Jadual 6 menunjukkan majoriti (80%) guru menyuarakan bahawa latihan sebelum perkhidmatan mereka tidak memadai untuk melengkapkan mereka berhadapan dengan isu membuat laporan tentang kes penganiayaan kanak-kanak.

Jadual 6

Latihan Sebelum Perkhidmatan Memadai untuk Membuat Laporan Kes

Memadai	Bilangan	Peratusan
Ya	53	20.9
Tidak	200	79.1
Jumlah	253	100.0

Jadual 7 menunjukkan dalam kalangan 53 guru merasakan latihan sebelum perkhidmatan adalah memadai, masing-masing menjelaskan bahawa kebanyakan latihan disampaikan menerusi kaedah bengkel/seminar (53%), syarahan (49%) dan bacaan yang ditugaskan (34%). Setiap guru dibenarkan membuat lebih daripada satu pilihan jawapan.

Jadual 7

Jika Memadai, Cara Latihan Sebelum Perkhidmatan Disampaikan

Jenis Latihan	Bilangan Pilihan	Peratusan per pilihan	Peratusan ¹ per individu
Bengkel/seminar	28	35.9	52.8
Dalam syarahan kursus	26	33.3	49.1
Bacaan yang ditugaskan	18	23.1	34.0
Lain-lain	6	7.7	11.3
Jumlah	78	100	

Sebaliknya, dalam kalangan 200 guru yang merasakan tidak memadai, 56% daripada mereka mengatakan latihan seumpama itu tidak pernah diajar dalam kursus semasa mereka menjalani latihan perguruan. (Jadual 8). Selain itu, 29% tidak pasti akan keperluan perundangan dalam soal penganiayaan kanak-kanak dan 28% tidak pernah mengamalkan kemahiran yang dilatih di dalam kelas masing-masing.

Jadual 8

Jika Tidak Memadai, Kekurangan yang Dikenalpasti

Kekangan	Bilangan Pilihan	Peratusan per pilihan	Peratusan per individu
Tidak diajar dalam kursus	112	49.6	56.0
Tidak pasti akan keperluan perundangan	57	25.2	28.5
Tidak pernah mengamalkan kemahiran tersebut dalam kelas	56	24.8	28
Lain-lain	1	0.4	0.5
Jumlah	226	100	

Apabila ditanya tentang latihan yang diterima sebelum mereka menjadi guru yang bertauliah, lebih 95% mengatakan latihan yang berkaitan

¹ (Bilangan pilihan/Bilangan guru) x 100%

dengan penganiayaan kanak-kanak adalah di tahap yang minimum dan tidak mencukupi (Jadual 9). Hanya kurang daripada 4% yang menganggap latihan yang disediakan adalah mencukupi.

Jadual 9

Tahap Latihan Sebelum Perkhidmatan yang Diterima

Tahap Latihan	Bilangan	Peratusan
Mencukupi	9	3.6
Minimum	83	32.8
Tidak Mencukupi	161	63.6
Jumlah	253	100.0

Namun apabila ditanya latihan yang diterima selepas guru memulakan perkhidmatan, peratusan yang mengatakan tahap latihan adalah minimum dan tidak mencukupi telah berkurangan sedikit kepada paras 89% (Jadual 10). Ini secara tidak langsung menunjukkan peluang latihan tentang penganiayaan kanak-kanak adalah lebih banyak disediakan selepas perkhidmatan berbanding dengan keadaan sebelum perkhidmatan di maktab perguruan.

Jadual 10

Tahap Latihan Selepas Perkhidmatan yang Diterima

Tahap Latihan	Bilangan	Peratusan
Mencukupi	27	10.8
Minimum	97	38.6
Tidak Mencukupi	127	50.6
Jumlah	251	100.0

Perbincangan

Majoriti guru tidak pernah melapor mahupun terlibat dalam pengendalian sesuatu kes penganiayaan kanak-kanak yang disyaki. Alasan takut silap lapor dan sebagainya sememangnya menghantui guru apabila berdepan dengan kes seumpama itu.

Dapatan kajian ini menunjukkan corak yang sama seperti kajian Hinson dan Fossey (2000), Kenny (2001), serta Kesner dan Robinson (2002). Majoriti guru tidak pernah mengalami situasi membuat laporan penganiayaan kanak-

kanak secara langsung mencerminkan kejadian penganiayaan kanak-kanak di negara kita tidak berada di tahap yang kritikal. Namun, tidak juga dapat dinafikan, sememangnya akan ada banyak kes penganiayaan yang berlaku, tetapi tidak dilaporkan oleh guru atas kekangan tertentu. Peratusan guru yang pernah melapor mahupun terlibat dalam pengurusan kes penganiayaan kanak-kanak adalah kira-kira 10%. Seandainya kesemua subjek kajian ini diibaratkan sebagai wakil kepada guru-guru di negara, maka 10% boleh membawa satu angka bilangan guru yang agak ramai. Maka, isu pengalaman melapor di kalangan guru sekolah adalah satu isu penting yang perlu diberi perhatian yang serius.

Majoriti guru memaklumkan tahap latihan yang pernah dilalui adalah tidak memadai. Antara alasan utama adalah tidak diajar dalam kursus. Ini bermakna semasa dalam tempoh latihan perguruan profesional, aspek penganiayaan kanak-kanak tidak disentuh. Perkara ini juga berlaku selepas mereka berkecimpung secara rasmi dalam perkhidmatan perguruan. Amat jelas mereka hanya memperolehi maklumat penganiayaan kanak-kanak mengikut inisiatif sendiri.

Dapatan kajian ini adalah sejajar dengan dapatan kajian seperti Hinson dan Fossey (2000), Kenny (2001), serta Bishop, Lunn dan Johnson, (2002) yang masing-masing mendapati guru kurang mendapat latihan yang sewajarnya. Latihan untuk bersama-sama melindungi kanak-kanak sudah menjadi satu kepastian kepada para pelatih sebelum mereka layak dilantik sebagai guru. Perlindungan kanak-kanak bukan lagi tanggungjawab semata-mata pihak pekerja kebajikan, tetapi juga merupakan salah satu peranan utama guru sekolah.

Adalah dicadangkan bahawa kursus perlindungan kanak-kanak perlu diwajibkan kepada kesemua pelatih di maktab perguruan. Kursus ini perlulah menjadi pra-syarat sebelum seseorang ditauliahkan sebagai seorang guru secara rasmi. Kandungan kursus ini perlu memberi tumpuan kepada tiga aspek iaitu konsep penganiayaan kanak-kanak, tatacara dan tanggungjawab melapor, dan sumber bantuan.

Kesedaran tanggungjawab melapor merupakan satu topik yang sangat penting. Mana-mana pihak yang memperjuangkan kebajikan kanak-kanak seharusnya menekankan topik ini apabila berhadapan dengan guru-guru. Sebarang bentuk bengkel mahupun seminar yang menyentuh topik ini kepada guru seharusnya mengamalkan pendekatan latihan dalam kelompok. Guru-guru perlu diberi peluang untuk meluahkan segala perasaan takut mahupun sangsi akan tanggungjawab mereka untuk melapor. Topik tanggungjawab melapor hanya boleh disampaikan secara berkesan jika ada perbincangan dan perbincangan dalam kalangan guru dan fasilitator.

Ini juga bermakna kajian lanjutan yang bersifat kualitatif adalah diperlukan untuk meneroka penerangan yang lebih lanjut mengenai kekangan yang dihadapi oleh guru dalam isu penganiayaan kanak-kanak.

Penutup

Walaupun tanggungjawab utama guru adalah mengajar, mereka juga perlu mengambil berat tentang kebajikan pelajar masing-masing. Mereka diharapkan mempunyai pengetahuan yang luas tentang penganiayaan kanak-kanak serta bersifat proaktif dalam prosedur-prosedur membantu mangsa-mangsa penganiayaan. Namun, jangkaan-jangkaan ini tidak selaras dengan dapatan kajian yang menunjukkan kebanyakan guru sekolah adalah belum cukup sedia untuk memainkan peranan dalam aktiviti-aktiviti perlindungan kanak-kanak. Pelbagai usaha seperti latihan mahupun penyelidikan amat diperlukan agar peranan guru sekolah dalam perlindungan kanak-kanak dapat dioptimumkan.

Rujukan

- Ainsworth, F. (2002). Mandatory reporting of child abuse and neglect: Does it really make a difference? *Child and Family Social Work*, 7, 57-63.
- Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).
- Baginsky, M. (2000, April). *Cross cultural perspectives on educators' reporting practices of maltreatment: A discussion paper on the situation in England*. Paper presented at the Annual Conference of the American Educational Research Association, New Orleans, LA.
- Baginsky, M. (2003). Newly qualified teachers and child protection. *Child Abuse Review*, 12, 119-127.
- Bishop, A., Lumm, P., & Johnson, K. (2002). 'I would just like to run away and hide, but I won't!' Exploring attitudes and perceptions on child protection issues with early years teacher trainees on the threshold of their careers. *Westminster Studies in Education*, 25(2), 187-199.
- Briggs, F., & Potter, G. K. (2004). Singaporean early childhood teachers' responses to myths about child abuse. *Early Child Development and Care*, 174(4), 339-355.
- Egu, C. L., & Weiss, D. J. (2003). The role of race and severity of abuse in teachers' recognition or reporting of child abuse. *Journal of Child and Family Studies*, 12(4), 465-474.
- Hendrick, H. (1994). *Child welfare: England 1872-1989*. London, England: Routledge.
- Hinson, J., & Fossey, R. (2000). Child abuse: What teachers in the '90s know, think, and do. *Journal of Education for Students Placed At Risk*, 5(3), 251-266.
- Horton, C. B., & Cruise, T. K. (2001). *Child abuse and neglect: The school's response*. New York, NY: The Guilford Press.

- Kenny, M. C. (2000). *Educators and Child Abuse Questionnaire*. Unpublished material.
- Kenny, M. C. (2001). Child abuse reporting: Teachers' perceived deterrents. *Child Abuse & Neglect*, 25(1), 81-92.
- Kesner, J.E., & Robinson, M. (2002). Teachers as mandated reporters of child maltreatment: Comparison with legal, medical, and social services reporters. *Children & Schools*, 24(4), 222-231.
- McCallum, F. (2000, April). *Cross-cultural perspectives on educators' reporting practices of maltreatment: An Australian study*. Paper presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association, New Orleans, LA.
- McCallum, R., & Baginsky, M. (2001, April). *A comparison of pre-service training to identify and report suspected child abuse and neglect in Australia and the United Kingdom*. Paper presented at the Annual Meeting of the American Education Research Association, Settle, WA.
- Rahimah Abdul Aziz. (1999, Nov). *Government strategies for prevention of child abuse in Malaysia: Achievements, problems and challenges*. Paper presented at the ISPCAN Asian Conference on Child Protection, Hong Kong, China.